



Sumber: Berita Harian

HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA, TUN MOHD KHALIL YAAKOB KE-77

TPM dahului senarai terima darjah, bintang

» 760 individu terima anugerah dalam tiga sesi berasingan

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

► Ayer Keroh

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mendahului senarai 760 penerima darjah, bintang dan pingat kebesaran sempena Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob Ke-77, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri akan dianugerahkan Darjah Utama Negeri Melaka (DUNM), darjah tertinggi negeri ini yang membawa gelaran Datuk Seri Utama dan dijadual menerimanya pada istiadat khas yang akan diadakan tidak lama lagi.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Naim Abu Bakar pada sidang media semalam, berkata Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) membawa gelaran Datuk Seri pula dianugerahkan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Wee Ka Siong.

Sesi khas terima darjah

Isteri Ketua Menteri Melaka, Datin Seri Fadilah Abdullah pula antara 11 individu dianugerahkan Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) membawa gelaran Datuk Wira dan beliau juga akan menerima darjah kebesaran berkenaan pada se-



Mustapa Mohamed



Wee Ka Siong



Fateh Iskandar
Mohamed Mansor



Chuah Ghee Lye



Badrulhisham
Othman



Zukri Valentino
Mohd Ali

si khas.

Penerima lain DCSM ialah Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Ahmad Maarop; Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Roslan Saad; Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim; Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Alwi Ibrahim dan Panglima Markas 3 Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Zamrose Mohd Zain.

Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Seri Fateh Iskandar Mohamed Mansor; Ketua Polis Melaka, Datuk Chua Ghee Lye; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mustafar Ali; Pengerusi Perbadanan Stadium Melaka, Datuk Mohd Yusoff Mahadi dan Pengarah Urusan Linggi Base Sdn Bhd, Noor-mustafa Kamal Yahya.

Seramai 11 orang dianugerahkan Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) membawa gela-

ran Datuk, iaitu Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Johor, Dr Sabirin Jaafar; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Zaidi Attan; ADUN Tanjung Bidara, Md Rawi Mahmud; ADUN Lendu, Sulaiman Md Ali dan ADUN Bemban, Datuk Ng Choon Koon.

Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Muda Datuk Annuar Mad Said; Pengerusi JH Italia Sdn Bhd, Datuk Seri Wang Yen Liang; Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat, Abdul Rahman Kassim.

Dua individu menerima DMSM Kehormat adalah Pengerusi Lembaga Xinyi Glass Holdings Limited, Lee Yin Yee dan Ketua Pegawai Eksekutif Manipal Education & Medical Group, Ranjan Ramdas Pai.

85 individu terima DPSM

Seramai 85 menerima Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM)



Ahmad Zahid Hamidi

membawa gelaran Datuk, antaranya Ketua Hakim Syariah Melaka, Mohd Radzi Abd Latif; Senator Koh Chin Han dan Senator Zali Mat Yasin; Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat Kementerian Dalam Negeri Zukri Valentino Mohd Ali.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Ahmad Jailani Muhamed Yunus; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Ismail Hamad dan Panglima Angkatan Kapal Selam TLDM, Laksamana Muda Abdul Rahman Ayob.

Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Badrulhisham Othman; Pengarah Jabatan Kerja Raya negeri, Khalid Omar; Timbalan Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner Ab Rashid Ab Wahab; Ketua Pegawai Kewangan Perumahan Rakyat 1Malaysia, Hasleen Isnin; Pengurus Besar Negeri, Telekom Malaysia, Rozlan Mohamed dan Ketua Pengarang The Star Media Group, Goh Lee Yen.

Seramai 60 individu menerima Darjah Seri Melaka (DSM), 88 menerima Bintang Cemerlang Melaka (BCM), 111 menerima Bintang Khidmat Terpuji (BKT), 227 menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK), 137 menerima Pingat Bakti Masyarakat (PBM) dan 27 lagi menerima Pingat Khidmat Lama (PKL).

Sebanyak tiga sesi istiadat penganugerahan akan diadakan di Dewan Seri Negeri, di sini, bermula hari ini, esok dan sesi ketiga pada 14 November ini.